

BAB ENAM

BAB KEENAM

RUMUSAN DAN SARANAN KAJIAN

6.1 RUMUSAN

Hasil daripada analisis, pandangan peribadi dan temubual yang telah dibuat oleh penulis di bab yang keempat, rumusan yang boleh diberikan terhadap penyelidikan ini ialah usaha yang telah dibuat oleh pihak KAGAT untuk membangunkan akhlak warga tentera melalui didikan dan tunjuk ajar ada keberkesanannya. Ini dapat dibuktikan dengan perbezaan yang amat ketara terhadap kehidupan warga tentera ketika sebelum dan selepas tertubuhnya KAGAT. Hasil kajiselidik juga membuktikan bahawa tahap hubungan warga tentera dengan Allah (s.w.t.) juga boleh dikatakan baik (Lihat Lampiran 1). Kelemahan yang dapat dikesan hasil daripada soal selidik penulis hanyalah dalam masalah kefasihan untuk membaca al- Qurān.

Justeru itu bagi memastikan penghayatan akhlak Islam dapat diteruskan agendanya di masa hadapan, KAGAT perlu bekerja lebih keras bagi merealisasikan harapan ini. KAGAT tidak perlu lagi berlengah dalam melaksanakan tanggungjawabnya. *Madu'* sudah berada di hadapan mata. Teruskan tanggungjawab dalam mengejar misi yang murni ini. Lebih mengagumkan lagi apabila 98.9 % daripada responden bersedia secara peribadi menyokong usaha KAGAT bagi

*
memartabatkan akhlak warga tentera agar ianya sejajar sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.¹

Selain daripada itu penulis dapat juga merumuskan bahawa kesedaran warga tentera terhadap perlunya berakhlak dengan Tuhan bukan sahaja dapat diterapkan di dalam kehidupan sehari-hari mereka tetapi ianya juga dapat dirasai dalam kehidupan berkeluarga. Ini dapat dikesan oleh penulis melalui kajiselidik yang dijalankan di mana peratusan tertinggi yang didapati oleh penulis hasil daripada analisis perbandingan yang dijalankan terhadap umur, tempuh perkhidmatan dan tempat berkhidmat responden, mendapati peratusan tertinggi yang telah diberikan di dalam jawapan mereka ialah dalam masalah memastikan didikan al-Qurân anak-anak dan penjagaan aurat isteri.² Justeru itu KAGAT perlulah lebih memainkan peranan agar kewujudan KAGAT dalam persada ATM bukan sahaja dapat dirasai oleh warga ATM semata-mata malah lebih daripada itu ianya juga turut memberikan kesan terhadap kehidupan berkeluarga warga tentera.

6.2 SARANAN KAJIAN

Setelah perbincangan dan perbahasan panjang dilakukan oleh penulis, di sini penulis ingin memberikan beberapa saranan dan cadangan bagi mencari jalan terbaik ke arah merealisasikan pembentukan akhlak mulia warga tentera dapat diteruskan khususnya dalam hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.).

Antara cadangan yang boleh diutarakan oleh penulis bagi meningkatkan pencapaian akhlak dalam ATM dan ianya perlulah diambil perhatian serius oleh pihak KAGAT selaku badan yang berotariti dalam organisasi ini ialah ;

6.2.1 Tapisan Ketat Ketika Pengambilan Baru Anggota Tentera.

Tapisan yang agak ketat di peringkat awal iaitu ketika sesi pengambilan rekrut dan pegawai kadet perlu diambil kira kerana disinilah bermula segala-galanya. Tapisan yang rapi perlu dilaksanakan merangkumi ketiga-tiga cabang perkhidmatan khususnya yang melibatkan pendidikan agama dan moral. Kelemahan dalam pengetahuan keagamaan dan moral terbukti ketika rekrut memulakan latihannya di Pusat Latihan Asas Tentera Darat apabila wujudnya kes-kes di luar jangkaan yang melibatkan asas fardhu ain dan fardhu kifayah seperti gagal mengucap dua kalimah syahadah, buta al-Qurān, tidak tahu mengerjakan sembahyang, tidak berkhatan dan sebagainya.³ Pendidikan akhlak yang bakal diterapkan ketika berada di Pusat Latihan akan menjadi semakin rumit jika faktor penapisan keagamaan ini sentiasa dipinggirkan oleh pihak atasan. Di atas kesedaran inilah maka perlu diwujudkan satu tim yang menilai pengambilan rekrut dan pegawai kadet berdasarkan tahap pendidikan fardhu ain dan fardhu kifayah.

6.2.2 Syarat Kenaikan Pangkat.

Selain daripada itu di peringkat lembaga kenaikan pangkat juga perlu diberikan perhatian yang lebih serius. Kebolehan seseorang anggota perlu dinilai dan

diuji dari segi tahap pengetahuan agama (fardhu ain/kifayah) sebelum dipilih untuk diproses ke arah kenaikan pangkat. Natijahnya akan dapat melahirkan anggota yang memiliki tahap pengetahuan agama yang tinggi dan mempunyai nilai akhlak yang terpuji seterusnya menjadi contoh ikutan bagi melahirkan sebuah organisasi yang berkemampuan untuk menuju ke puncak kegemilangan.

6.2.3 Memperbanyakkan Aktiviti Berbentuk Keagamaan.

Seterusnya antara fakta yang perlu juga diberikan perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan program keagamaan dan motivasi. Program-program yang sedemikian perlulah diperbanyakkan bagi memberi kesedaran kepada anggota terhadap implikasi-implikasi yang bakal timbul hasil daripada penglibatan mereka dalam kes-kes yang melibatkan jenayah dan salahlaku moral. Setiap program yang dianjurkan perlulah dirancang dengan lebih teratur bagi memastikan penglibatan anggota yang lebih menyeluruh dengan dimasukkan aktiviti tersebut ke dalam PERBAH 1.⁴ Pihak atasan juga perlu memberi penekanan serius agar setiap program keagamaan yang dianjurkan mendapat sambutan dan memberikan kesan yang semaksima mungkin kepada seluruh peringkat anggota pelbagai pangkat yang melibatkan anggota peringkat bawahan dan pegawai.

6.2.4 Pelaksanaan PMAT 9/91 Secara Menyeluruh.

Mempertingkatkan nilai spiritual dan kerohanian di dalam diri setiap warga tentera muslim adalah di antara perkara yang banyak memberikan sumbangan ke

*

arah mewujudkan warga tentera yang berakhhlak di samping dapat mengurangkan masalah gejala sosial dan jenayah dalam ATM. Usaha-usaha untuk memupuk pembangunan spiritual yang menjadi benteng pertahanan individu sememangnya perlu ditingkatkan dan diambil perhatian oleh semua peringkat dalam ATM. Bagi memastikan proses pembinaan mental dan spiritual terlaksana dengan sempurna maka senjata utama KAGAT perlulah digunakan dengan semaksima mungkin. Apa yang dimaksudkan oleh penulis di sini ialah pelaksanaan sepenuhnya Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam atau PMAT 9/91 dalam setiap aktiviti harian pasukan atau formasi. Jika PMAT ini dapat dilaksanakan dengan sempurna di semua peringkat maka ia akan memberikan sumbangan yang amat bermakna ke arah pembentukan akhlak dan nilai murni warga tentera keseluruhannya.⁵

6.2.5 Kajian Semula Terhadap Pengecualian Penjualan Arak Di PERNAMA.

Bagi menjamin usaha-usaha ke arah pembentukan akhlak warga tentera mencapai matlamatnya yang sebenar maka perkara-perkara yang menjadi penghalang kepada usaha-usaha ini perlulah terlebih dahulu dibenteras. Maka di antara perkara yang memberi sumbangan ke arah keruntuhan akhlak manusia ialah masalah ketagihan arak. Walaupun arak telah diharamkan sama sekali di dalam kem-kem tentera namun di sana terdapat beberapa kelonggaran yang perlu untuk dikaji semula. Di antara perkara yang dapat dikesan oleh penulis di sini ialah masalah penguatkuasaan pengharaman arak dalam ATM tidak melibatkan penjualan arak yang masih berjalan di kedai PERNAMA sedangkan kedai tersebut sentiasa beroperasi di

dalam kem-kem tentera seluruh Malaysia. Di dalam arahan pengharaman arak secara rasmi dalam ATM, ianya telah mengecualikan pengharaman penjualan tersebut kepada syarikat PERNAMA. Pengecualian tersebut tidak sepatutnya berlaku kerana apa ertinya arak diharamkan sedangkan penjualannya masih terus berleluasa di dalam kem-kem tentera. Walaupun jawapan yang diberikan “ia hanya dijual kepada warga tentera yang bukan beragama Islam” namun adakah kita boleh memberikan jaminan bahawa warga tentera muslim tidak akan *tumpang sekaki* mengambil kesempatan daripada kelonggaran tersebut untuk membeli arak kerana ianya begitu mudah untuk diperolehi.

Oleh yang demikian penulis berpandangan bahawa arahan pengecualian penjualan arak oleh syarikat PERNAMA perlu dikaji dan disemak semula bagi memastikan arak bukan sahaja diharamkan meminumnya di dalam kem tentera malah lebih daripada itu ianya juga mestilah membabitkan pengharaman secara serentak kepada penjualannya. Bagi warga tentera yang bukan Islam maka mereka bebas untuk berbuat demikian dengan syarat ianya dilakukan di luar daripada kawasan kem.

6.2.6 Penguatkuasaan Penutupan Aurat Secara Mandatori

Selain daripada itu bagi memartabatkan penghayatan akhlak Islam dalam diri setiap warga tentera dalam konteks berpakaian bagi melahirkan ciri-ciri ketakwaan ianya tidak cukup hanya sekadar memberikan kebenaran pemakaian tudung kepada anggota wanita tetapi lebih daripada itu KAGAT sewajarnya memberikan cadangan

yang lebih efisyen dan berkualiti lagi kepada pihak tertinggi ATM. Antara cadangan yang difikirkan perlu oleh penulis untuk dibawa oleh pihak KAGAT kepada pimpinan atasan ATM ialah kewajipan pemakaian tudung tidak boleh bersifat *opsyenal*. Apa yang berlaku sekarang kebenaran pemakaian tudung kepada anggota wanita ATM hanyalah bersifat pilihan semata-mata. Adalah wajar arahan susulan yang baru patut dikeluarkan yang mana ianya mewajibkan semua anggota wanita ATM di semua peringkat yang beragama Islam memakai tudung kepala dan berpakaian menutup aurat sepenuhnya. Begitu juga dari sudut keketatan dan kelonggaran sesuatu uniform yang dipakai oleh warga tentera wanita perlu juga diambil kira kerana walaupun pada dasarnya pakaian tentera wanita telahpun menutup aurat tetapi kadang-kadang ianya tidak menepati hakikat menutup aurat yang sebenarnya mengikut perspektif Islam seperti uniform terlalu ketat dan singkat. Adalah lebih manis sekiranya model uniform wanita dilonggarkan sedikit dan bajunya dilabuhkan sehingga menutupi punggung agar ianya tidak menampakkan susuk dan bentuk tubuh badan.

6.2.7 Menghapuskan Aktiviti Yang Bercanggah Dengan Akhlak Islam.

Segala bentuk program yang bertentangan dengan akhlak Islam mestilah dihapuskan secara keseluruhannya di dalam organisasi ATM. Menyedari hakikat bahawa kemungkaran wajib dihapuskan semampunya kerana ianya merupakan tonggak kepada keruntuhan akhlak, maka perlu diadakan suatu kajian mendalam oleh Sel Penyelidikan Jabatanarah KAGAT terhadap semua tradisi ketenteraan bagi mengenalpasti dengan jelas, mana yang bercanggah dan mana pula yang tidak

bercanggah dengan akhlak Islam. Kajian tersebut mestilah melibatkan ketiga – tiga cabang perkhidmatan dalam ATM iaitu perkhidmatan Darat, Laut dan Udara. KAGAT mungkin akan gagal di dalam melaksanakan tanggungjawabnya membentuk akhlak warga tentera sekiranya perkara-perkara yang bertentangan dengan akhlak Islam masih lagi dipertahankan di dalam organisasi. Ini adalah kerana KAGAT tidak berupaya untuk mengubah dasar dan polisi dalam ATM. KAGAT hanya sekadar memberikan nasihat dan tidak lebih daripada itu. Oleh yang demikian kerjasama utuh antara pihak KAGAT dan kepimpinan tertinggi ATM perlulah sentiasa terjalin agar apa yang dicita-citakan bersama untuk melihat warga tentera mempunyai nilai-nilai akhlak yang berkualiti dapat dijelmakan bukan sahaja dari sudut teori malah lebih daripada itu ianya dapat diperaktikalkan dalam kehidupan seharian.

6.3 CADANGAN UNTUK KAJIAN SELANJUTNYA

Kajian yang telah penulis lakukan adalah berkaitan dengan analisis pencapaian KAGAT dalam membangunkan akhlak warga tentera. Namun demikian, yang menjadi fokus utama kajian penulis hanyalah perbincangan di sekitar akhlak warga tentera dalam konteks hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.) dan beberapa perubahan yang telah berjaya dilakukan di peringkat Kementerian Pertahanan yang melibatkan organisasi ATM.

Oleh kerana kajian penulis hanyalah melibatkan sekitar akhlak warga tentera dengan Allah (s.w.t.) sahaja maka kajian selanjutnya yang boleh dibuat ialah juga melibatkan permasalahan akhlak tetapi kajiannya adalah lebih meluas daripada apa yang telah dikaji oleh penulis. Contohnya kajian akhlak warga tentera dari sudut etika kerja, akhlak warga tentera ketika bersama dengan rakan sekerja dan mungkin juga kajian boleh dibuat terhadap akhlak warga tentera ketika menjalankan tugas operasi menjaga sempadan negara, operasi pantai dan sebagainya. Ini adalah kerana kajian yang membicarakan permasalahan akhlak begitu luas skopnya. Justeru itu kajian yang lebih mendalam berkaitan dengan akhlak warga tentera perlu dilakukan bagi mendapat penilaian sebenar ditahap manakah akhlak warga tentera pada ketika ini.

PENUTUP

Meskipun KAGAT mengikut perkiraan penulis boleh berbangga dengan apa yang telah dicapai dalam misi membangunkan akhlak warga tentera, namun pencapaian sebenarnya haruslah berpaksikan kepada kepekaan dan kebijaksanaannya dalam mengharungi cabaran alaf millenium agar kewibawaan, dinamisma dan kejayaan pengurusan serta pentadbiran seimbang dengan jati diri setiap individu dalam KAGAT. Perkara yang sedemikian ini amat penting bagi memastikan impak semangat spiritual bukan sahaja dapat dirasai oleh warga KAGAT tetapi ianya dapat pula diterapkan ke dalam diri semua warga ATM.

* *

Apabila impian yang sedemikian mampu dinyatakan di alam yang realiti maka sudah pasti KAGAT pada masa yang mendatang bukan hanya sekadar gemilang dan cemerlang dari sudut “*Total Quality Organisation*” (TQO) dan “*Total Quality Management*” (TQM) bahkan lebih jauh daripada itu memiliki “*Total Quality Spiritual*” (TQS) yang tidak ada di dalam kor-kor yang lain di dalam organisasi ATM. Justeru itu, KAGAT seharusnya perlu tekad, tabah dan berani serta sentiasa berwaspada dalam setiap detik dan langkah pergerakannya agar ia tidak disalahertikan ataupun ditafsirkan sebagai perjuangan yang tidak memberikan sebarang impak yang positif kepada perjuangan ATM ataupun dengan lebih tepat lagi sebagaimana yang sering diungkapkan di dalam pepatah melayu sebagai “*melukut di tepi gantang*”.

Selain daripada itu anggota KAGAT yang bertugas di pasukan juga sewajarnya lebih efisyen di dalam tugas mereka dengan turun ke bawah melihat dan menilai permasalahan utama yang melibatkan akhlak warga tentera dan bukan hanya sekadar menunggu dan meninjau daripada Pejabat Agama sahaja.⁶ Penambahan anggota KAGAT juga merupakan di antara jalan yang boleh difikirkan bersama bagi memantapkan organisasi KAGAT di masa hadapan kerana dengan ramainya anggota yang bekerja ke arah pembentukan akhlak warga tentera maka ianya akan memudahkan lagi kejayaan sebagaimana yang diharapkan.⁷ Bagi menghadapi era globalisasi yang lebih canggih dan moden ini KAGAT juga perlu menyusun strategi dakwahnya agar lebih mantap dan berkualiti supaya apa yang dilaksanakan seiring dengan suasana semasa dan ianya tidak dianggap keterbelakangan.⁸

Semoga organisasi yang menjadi kebanggaan warganya ini akan terus berdiri teguh mempertahankan maruah dan kedaulatan negara dan terhindar daripada sebarang aktiviti yang boleh mencemarkan nama baik KAGAT kerana perjuangan mereka masih terlalu jauh lagi dan memerlukan berbagai bentuk pengorbanan dan persiapan bagi melahirkan apa yang sering diungkapkan oleh YBhg Dato' Pengarah KAGAT iaitu melahirkan *Dai' Askari*.⁹ Ianya bermaksud KAGAT akan berperanan dalam dua dimensi, pertama sebagai seorang pendakwah dan yang kedua sebagai seorang pejuang yang sentiasa bersedia untuk dikorbankan pada bila-bila masa demi untuk mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan tanahair.

NOTA HUJUNG

- 1 Sila lihat Kembaran I soalan ke 13.
- 2 Sila lihat analisis perbandingan yang telah dibuat oleh penulis di bab yang keempat.
- 3 Ucapan YBhg Kol Hj Jamil Khir bin Bahrum, Kolonal Perkhidmatan Ikhtisas KAGAT ketika berucap merasmikan penutup Kursus Kefahaman Islam Asas yang diadakan di ILMI bth 6 Jun 2003.
- 4 PERBAH 1 bermaksud perintah dan arahan yang dikeluarkan pada setiap hari dan ianya perlu dipatuhi oleh setiap warga tentera yang bernaung di bawah sesebuah pasukan atau formasi. Sebarang perbuatan ketidakpatuhan terhadap arahan ini menyebabkan anggota tentera terbabit boleh dikenakan tindakan disiplin.
- 5 Penulis menyatakan demikian adalah berdasarkan kepada silibus yang terdapat di dalam PMAT 9/91 di mana programnya memenuhi segala bentuk aspek keperluan rohani warga tentera dan sekiranya ianya diolah dengan sempurna sudah pasti akan melahirkan warga tentera yang benar-benar berkualiti iman dan akhlaknya. PMAT 9/91 dapat dirujuk sebagaimana yang telah disertakan oleh penulis di bahagian lampiran disertasi ini.
- 6 Wawancara penulis bersama YBhg Lt Kol Md Yusof bin Aziz Pegawai Memerintah 10 RAMD bth 1 Feb 2003.
- 7 *Ibid.*
- 8 Wawancara penulis bersama 1073683 PW1 Md Isa bin Md Saad RSM 10 RAMD bth 1 Feb 2003.
- 9 Ucapan YBhg Brig Jen Dato' Hj Najmi bin Hj Ahmad Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera ketika memberikan ucaptama sempena Konvensyen KAGAT 2003 di dewan Trauna Awana Genting Highland bth 30 Sept 2003.